



27 November 2024  
27 November 2024  
P.U. (A) 359

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (PINDAAN) 2024

*EXCISE (AMENDMENT) REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA EKSAIS 1976

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 85 Akta Eksais 1976 [*Akta 176*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Eksais (Pindaan) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2024.

**Bahagian baharu VIIIA**

2. Peraturan-Peraturan Eksais 1977 [*P.U. (A) 161/1977*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 47 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VIIIA  
PERNIAGAAN RUNCIT

Permohonan bagi kelulusan. 47A. (1) Mana-mana orang boleh memohon secara bertulis kepada Menteri bagi kelulusan di bawah subseksyen 91AB(1) Akta untuk menjual secara runcit apa-apa barang yang diisytiharkan di bawah perenggan 91AF(1)(a) Akta.

(2) Permohonan bagi kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan permohonan itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri.

(3) Apabila permohonan di bawah subperaturan (1) diterima, Menteri boleh membenarkan atau menolak permohonan bagi kelulusan itu.

(4) Orang yang diluluskan di bawah peraturan ini hendaklah mematuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) orang yang diluluskan itu hendaklah menyediakan suatu sistem elektronik yang mencukupi untuk merekodkan semua transaksi termasuk apa-apa invoice, resit atau laporan yang berhubungan dengan barang yang dijual secara runcit;
- (b) orang yang diluluskan itu tidak boleh menyerahkan atau memindah milik kelulusan yang diberikan kepada mana-mana orang lain;
- (c) Ketua Pengarah boleh memeriksa stok barang yang dijual secara runcit pada bila-bila masa;
- (d) orang yang diluluskan itu hendaklah dengan segera memberitahu Menteri secara bertulis apa-apa perubahan kepada butir-butir permohonan bagi kelulusan yang diberikan oleh Menteri; dan
- (e) apa-apa syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(5) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan kelulusan yang diberikan di bawah peraturan ini melalui notis secara bertulis.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”.

### **Pindaan peraturan 59Q**

3. Peraturan 59Q Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “atau Tioman” dengan perkataan “, Tioman, Pangkor atau Pulau 1”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “atau Pangkor” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “, Pangkor atau Pulau 1”.

Dibuat 20 November 2024

[SULIT KE.HD(122)860/02Klt.8(7); MOF.TAX(S)700-2/1/16 Jld.14; PN(PU2)337/JLD.29]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN  
*Menteri Kewangan II*

EXCISE ACT 1976

EXCISE (AMENDMENT) REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by section 85 of the Excise Act 1976 [*Act 176*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Excise (Amendment) Regulations 2024**.

(2) These Regulations come into operation on 1 December 2024.

**New Part VIIIA**

2. The Excise Regulations 1977 [*P.U. (A) 161/1977*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by inserting after regulation 47 the following part:

“PART VIIIA  
RETAIL TRADE

Application for approval.

47A. (1) Any person may apply in writing to the Minister for the approval under subsection 91AB(1) of the Act to sell by retail any goods declared under paragraph 91AF(1)(a) of the Act.

(2) The application for approval under subregulation (1) shall be accompanied by any document relating to the application as required by the Minister.

(3) Upon receipt the application under subregulation (1), the Minister may grant or refuse the application for approval.

(4) An approved person under this regulation shall comply with the following conditions:

- (a) the approved person shall provide a sufficient electronic system to record all transactions including any invoice, receipt or report relating to the goods sold by retail;
- (b) the approved person shall not assign or transfer the approval granted to any other person;
- (c) the Director General may inspect the stock of goods to be sold by retail at any time;
- (d) the approved person shall immediately notify the Minister in writing of any change to the particulars of the application for approval granted by the Minister; and
- (e) any other conditions as the Minister deems fit.

(5) The Minister may, at any time, revoke the approval granted under this regulation by notice in writing.

(6) Any person who contravenes subregulation (4) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.”

**Amendment of regulation 59Q**

3. Regulation 59Q of the principal Regulations is amended—

- (a) in the marginal note, by substituting for the words “or Tioman” the words “, Tioman, Pangkor or Pulau 1”; and
- (b) by substituting for the words “or Pangkor” wherever appearing the words “, Pangkor or Pulau 1”.

Made 20 November 2024

[SULIT KE.HD(122)860/02Klt.8(7); MOF.TAX(S)700-2/1/16 Jld.14; PN(PU2)337/JLD.29]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN  
*Minister of Finance II*